

PENDAPAT ANDA

Tindakan untuk tunjuk kuasa tidak berfaedah

23 JAN 1988

MENGAMBIL bahagian dalam satu-satu pertandingan terutama dalam peringkat antarabangsa sama ada sebagai peserta atau sebagai pengadil memanglah baik. Apatah lagi apabila ia membawa pulang kejayaan dan selanjutnya mengharumkan nama negara.

Anehnya, bagaimanakah dua orang pengadil di pertandingan antarabangsa itu dihantar tanpa pengetahuan presiden persatuan berkenaan?

Dalam pengalaman saya sebagai ahli persatuan berkenaan dan pertubuhan lain, tiada keputusan yang diambil tanpa pengetahuan pengerusi atau pun presiden.

Jika keputusan sudah dibuat dalam mesyuarat tetapi kemudian ingin dimansuhkan, satu lagi mesyuarat perlu diadakan — 'Biarlah bertindak sejajar dengan perlembagaan' — kata Magiar Simen (BM 10

APA KATA
MAGIAR SIMEN



'Biarlah bertindak sejajar dengan perlembagaan'

SEBAGIAN besar perlembagaan persatuan sukla di negara kita mempunyai pecahan yang memberi kuasa mudah kepada jawatankuasa

Dan presiden persatuan berteman mengalah. Jika semua pegawai mempunyai hak untuk berbuat sesuatu maka tidak ada gunanya adanya mesyuarat.

Jan). **PENCAR SILAT**

Saya anggap peristiwa baru-baru ini bertujuan menunjukkan 'siapakah yang lebih berkuasa' dalam persatuan itu. Ini tidak seharusnya berlaku kerana persatuan mempunyai perlembagaan. Bertindak kerana kepentingan sendiri adalah tidak bijak.

Othman Yahya,
Singapura 0315.

Keputusan mesyuarat mesti dipatuhi

23 JAN 1988

SAYA tertarik kepada rencana Magiar Simen, 'Biarlah bertindak sejajar dengan perlembagaan' (BM 10 Jan).

Semua para pemimpin persatuan mesti akur kepada keputusan yang dibuat dalam mesyuarat. Bukankah ini dasar asas dalam setiap persatuan?

Malangnya bagi persatuan berkenaan yang pula mempunyai hubungan antarabangsa, ahli jawatankuasanya bertindak sendirian. **PENCAR SILAT**

Saya syorkan agar para pegawai berkenaan persatuan itu terlebih dulu mengikuti kursus kepemimpinan seperti yang pernah dianjurkan oleh sebuah pertubuhan setempat baru-baru ini. Pendek kata, usah berniaga, jika tidak tahu selok-beloknya.

Azlan Rahim,
Singapura 0512.

SILAT OLAHRAGA

KEJOHANAN Jemputan di Brunei serta pertandingan persahabatan dengan Indonesia dan Thailand adalah pendedahan utama bagi barisan pesilat negara menjelang Sukan SEA tahun depan.

Persembahan pesilat-pesilat negara di tiga pertandingan itu akan dinilai oleh Persekutuan Silat Olahraga Kebangsaan Malaysia (Pesaka) sebelum memilih wakil bagi Sukan SEA tahun depan.

Dalam program pertandingan kepada MSN, Pesaka mempunyai penilaian lebih rapi untuk memilih pesilat-pesilat negara bagi memenuhi matlamat memenangi sekurang-kurangnya lima pingat emas.

Pesaka meletakkan 10 pingat emas sebagai sasaran tetapi cadangan balas Jawatankuasa Kaedah Latihan Projek Gemilang 90 berpendapat, hanya lima daripadanya mampu dimenangi.

Kejohanan Jemputan Brunei akan berlangsung pada Julai ini sebelum pertandingan persahabatan dengan jaguh dunia, Indonesia pertengahan Oktober ini.

Pertemuan dengan pasukan silat Thailand akan diadakan pada Februari tahun depan.

Pesaka turut menitik-beratkan persiapan menerusi Pusat Cemerlang MSN di Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan dan Johor

29 JAN 1988